

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4 BIL. 20.

BANDAR BRUNEI, RABU, 7 OCTOBER, 1959 [5 Rabiakhir, 1379]

PERCHUMA

PERATORAN2 TADBIRAN AWAM

BANDAR BRUNEI. — Peratoran2 pertadbiran yang berjalan di-negeri ini sa-belum Perlembagaan Negeri Brunei di-mashhorkan akan terus berjalan sa-kira-nya peratoran2 itu tidak berchanggah dengan peratoran2 baharu di-bawah perlembagaan.

Peratoran2 itu mengenai ahli2 perkhidmatan awam negeri yang dahulu-nya terta'lok kapada pentah2 Setia Usaha Tanah Jajahan British, Pesuruh Jaya Tinggi, British Resident dan State Treasurer.

Peratoran2 pertadbiran baharu itu memberi kuasa kapada Duli Yang Maha Mulia dan pegawai2 tinggi baginda ia-itu Menteri Besar Setia Usaha Kerajaan, Peguam Negara dan Pesuruh Jaya Polis Negeri.

Peratoran2 baharu itu ia-lah :

- ◆ Segala kuasa2 yang dahulu-nya di-jalankan oleh Pesuruh Jaya Tinggi akan di-jalankan oleh Sultan.
- ◆ Segala kuasa2 yang dahulu-nya di-jalankan oleh British Resident dan State Treasurer akan di-jalankan oleh Menteri Besar atau jika dikehendaki oleh Menteri Besar di-jalankan oleh Setia Usaha Kerajaan.
- ◆ Segala kuasa2 yang dahulu-nya di-jalankan oleh Penasihat Undang2 dan Timbalan Penasihat Undang2 akan di-jalankan oleh Peguam Negara.
- ◆ Segala kuasa2 yang dahulu-nya di-jalankan oleh Ketua Pegawai Police akan di-jalankan oleh Pesuruh Jaya Police Negeri.
- ◆ Segala kuasa2 yang dahulu-nya oleh Assistant Resident akan di-jalankan oleh Setia Usaha Kerajaan atau berkenaan dengan daerah Belait jikalau perkara itu hanya-lah perkara biasa kapada pegawai daerah Belait.
- ◆ Tidak ada apa2 yang tersebut di-dalam pentah2 ini yang akan di-anggap sebagai meminda sa-barang undang2 bertulis.

- ◆ Segala kuasa2 yang dahulu-nya di-tulis kapada British Resident mesti-lah di-tulis kapada Setia Usaha Kerajaan.
- ◆ Segala langkah2an tata tertib terhadap pegawai sebarang laut bagaimana di-tafsirkan di-dalam bab 77.

Pegawai2 yang di-pinjamkan kapada Brunei tetapi tidak di-pindahkan kapada perkhidmatan awam negeri akan terta'lok kapada pentah2 dan kebenaran Setia Usaha Tanah Jajahan British dengan syarat beliau hendak-lah menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia.

65 DAPAT BINTANG DAN PINGAT HARI JADI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan bintang2 kebesaran dan pingat kapada 65 orang pada hari ulang tahun keputeraan baginda yang ke-43 dalam satu istiadat di-Istana Darul Hana pada 23 September lepas.

Baginda telah mengurniakan bintang S.P.M.B. (Kelas Satu) kapada Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar dan bintang Kerabat (Kelas Dua) kapada Tuan Neil Lwson, Q.C.

Managing Director sharikat B.S.P. Seria, Yang Berhormat Tuan R. E. Hales telah di-kurniakan dengan bintang D.P.M.B.



DATO HAJI IBRAHIM,
Menteri Besar Brunei.

Bintang S.M.B. telah di-kurniakan kapada Dato Osman bin Talib, Inche Suffian Haji Hashim dan Tuan James Mitchell.

Pingat2 telah di-kurniakan seperti berikut :

Pingat Omar Ali Saifuddin (Kelas Satu): Inche Mohamed Abbas bin Haji Ibrahim dan Awang Abdul Rahman bin Haji Taha.

PINGAT OMAR ALI SAIFUDDIN (Kelas Dua)
Inche Hamidoo bin Awang Damit, Mr. Lim Cheng Choo, Awang Taha bin Bakir, Abang Haji Bujang bin Abang Haji Mohamed, Inche Berandai bin Orang Kaya Pemancha Gabok.

(PINGAT BAKTI)
Y.T.M. Pengiran Muda Haji Mohamed Alam, Pengiran Haji Moha-

med Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohamed, Haji Ahmad bin Daud, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohamed Salleh, Pengiran Mohamed Yusoff bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Inche Marsal bin Maun, Pengiran Ali bin Pengiran Mohamed Daud, Haji Mohamed Noor bin Haji Abdul Razak, Haji Mohamed Taha bin Awang Hussin, Mr. George Newn Ah Foott, Mr. E. Rajaratnam, Inche Mohamed Taib bin Awang Besar, Mr. Chong Thau Fah, Haji Abdul Mumin bin Japarudin.

(PINGAT POLIS BRUNEI)

Sgt. 57 Saidin bin Taram, Sgt. 32 Mahmud bin Othman, Sgt. 81 Tajuddin bin A. Mohid, Sgt. 26 Mohamad bin Buntar, Sgt. 123 Musa bin Hitam, Cpl. 73 Abd. Hamid bin Abu Bakar, Cpl. 19 Morshidi bin Mohamad, Cpl. 35 Ibrahim bin A. Damit.

(PINGAT LAMA KERJA)

Mr. Cheong Keong Thong, Pengiran Damit bin Pengiran Sabtu, Inche Md. Yusof bin Taram, Pengiran Ahmed bin Pengiran Matsalleh, Pengiran Omarali bin Pengiran Sabtu, Mr. Jimmy Bell, Mr. Patrick McAfee, Pengiran Mohamed Yusoff bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Inche Taha bin Raman, Pengiran Besar bin Pengiran Apong, Inche Ludin bin Hashim, Inche Shahbudin bin Salleh, Pengiran Umar bin Pengiran Haji Sulaiman Inche Muhammad bin Jaafar, Inche Md. Jamil bin Awang Umar, Pengiran Metali bin Pengiran Ab. Kahar, Haji Metassim bin Awang Metahir, Pengiran Md. Salleh bin Pengiran Md. Yusoff, Inche Salleh bin Hassan, Inche Johari bin Abdul Razak, Inche Mohd. Hassan bin Pukol Inche Gimbar bin Guru, Pengiran Idris bin Pengiran Murah, Inche Maksin bin Abu Bakar, Inche Haris bin Judin, Pengiran Haji Mohd. Daud bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Inche Suhaili bin Hussin Pengiran Ahmad bin Pengiran Bendahara anak Haji Mohamed Yassin, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pengiran Sulaiman bin Pengiran Mumin Inche Maksin bin Pukol, Abang Haji Alli bin Dato Shahbandar.

Kolam ayer baharu di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Kerja membuat sa-buah kolam ayer baharu untuk bandar ini yang akan menge-luarkan 2,000,000 gelen ayer sa-hari akan di-mulakan tidak lama lagi.

Tuan M. J. Caldwell, Jurutera Ayer Brunei telah berkata bahawa apabila angka 2 juta itu di-bandingkan dengan keluaran ayer sa-banyak 720,000 gelen sa-hari dari kolam yang ada sekarang penduduk2 bandar ini akan terjamin bekalan ayer-nya sa-hingga beberapa tahun akan datang.

Kerja membena kolam baharu itu akan memakan belanja sa-banyak \$5,000,000 dan akan mengambil masa sa-lama 2½ tahun.

Ranchangan itu termasuk pembenaan sa-buah ampa-ngan tanah panjang 275 kaki dan tinggi-nya 70 kaki di-Sungai Tasek, dan 3 buah kolam ayer di-Berangan, Gadong dan Berakas.

Penasihat perlembagaan balek ka-London

BANDAR BRUNEI. — Tuan N. Lawson, Q.C. yang telah berada di-Brunei sa-lama tiga minggu dalam bulan September sa-bagai penasihat perlembagaan yang kanan kapada Duli Yang Maha Mulia telah bertolak balek ka-London dengan kapal terbang baharu2 ini.

Sa-belum bertolak Tuan Lawson berkata: "Semua perkara yang berkaitan dengan perlembagaan itu telah saya siapkan."

Tuan Lawson telah di-kurniakan bintang Darjah Kerabat darjah kedua oleh Duli Yang Maha Mulia pada hari keputeraan baginda 23 September lepas.

KEPUTUSAN PERADUAN MALAM ANEKA WARNA

Peraduan menyanyi, pakaian lawak dan membacha sajak

BANDAR BRUNEI — Temasha malam aneka warna kerana menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-Bandar Brunei telah di-langsungkan pada malam 23, 24 dan 25 September di-Padang Besar Pekan Brunei.

Temasha itu telah mendapat sambutan yang meriah.

Antara berbagai2 acara temasha itu ialah suatu sandiwara yang bertajokan, "Gema Tanah Ayer", chiptaan Inche' Abdul Wahab Mohamed.

Sandiwara itu di-arahkan oleh Inche' Mohammed Zain bin Haji Seruddin.

Pada malam akhir orang ramai telah mendengar bacaan karangan2 yang berjaya dalam peraduan mengarang cerita pendek yang di-bachakan oleh penganrang2-nya sendiri.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan2 tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha pada malam 25 September.

Keputusan-nya ialah seperti di-bawah ini:

Peraduan menyanyi orang dewasa: 1. M. Nordin, 2. P. Samin, 3. Awangku Mahmud Pengiran Besar, 4. Abdul Razak Muhammad, 5. A.T. Ahmadi.

Pembanggang menang peraduan bahath

BANDAR BRUNEI — Pekah pembanggang terdiri dari Pasokan "D" telah menang peraduan bahath bahagian akhir, bertajokan "Untuk kebaikan manusia, perdamaian lebeh penting daripada kema'moran yang telah di-langsungkan di-Padang Besar Pekan Brunei pada malam 24 September sa-bagai salah satu ranchangan sambutan hari puja usia Duli Yang Maha Mulia di-Bandar Brunei.

Ahli2 pasokan tersebut ialah Inche' Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Inche' Abdul Samad bin Abdul Kahar dan Awangku Hashim bin Pengiran Chuchu.

Pasokan "H" yang menjadi naib johan dalam peraduan tersebut terdiri dari Inche' Yahya bin Tengah, Inche' Mahalle bin Haji Abdullah dan Inche' Abdul Hamid bin Ibrahim.

Inche' Mohammed Zain Haji Seruddin telah memimpin majlis tersebut, manakala penadil2-nya ialah Inche' H.M. Salleh, Awang Hapidz Laksamana dan Inche' Ibrahim Ali.

Nyanyi kanak2 laki2: 1. Hamdilah Wahab, 2. Abas Hidup, 3. Awangku Ibrahim Pengiran Ismail, 4. Abas Haji Seruddin, 5. Awangku Badaruddin Pengiran Ghani.

Nyani kamak2 perempuan: 1. Sahara Ahmad, 2. Aishah Awang Tengah, 3. Hamidah Abu Bakar, 4. Norsiah Muhammad, 5. Rokiah Ismail.

Lagu Brunei Asli: 1. Masri Rauf, 2. Mohamed Saleh Bakar, 3. A. Tuah, 4. A.M. Metusin, 5. Mohamed Kassim.

Peraduan pakaian beragam: 1. Daimun Suhaili, 2. S. Tuah 3.

Annuar Yusof, 4. H.M. Ellen, 5. Masri Rauf.

Fashion wanita: 1. Sahara Ahmad, 2. Maneh Jumal, 3. Dayangku Rusnah binte Pengiran Haji Rajid, 4. Susnah Said dan 5. Rusniah Johari.

Lawak jenaka: 1. Daimun Suhaili dan kawan2, 2. A.P. Hashim dan kawan2, 2. A. Muhaimin dan kawan2, 4. Sulaiman dan kawan2, 5. S. A. Rahman dan kawan2.

Peraduan Membacha Sajak: 1. Sahara Ahmad, 2. Minor Samad dan 3. Moksir Kadir.

Murid2 Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei telah mendapat hadiah pertama kerana tarian "Selindang Mak Inang" dalam peraduan tarian murid2 sekolah. Hadiah kedua di-menangi oleh Sekolah Melayu Berakas yang telah mempersembahkan tarian "Gurindam Ibu" dan hadiah ketiga di-menangi oleh murid2 Sekolah China Chung Hwa, Bandar Brunei yang telah menun-jukkan tarian "Bidadari dari Kayangan".

PERARAKAN MAULUD NABI



Pegawai Mesjid telah mengetuai perarakan Maulud Nabi yang diadakan di-Bandar Brunei dalam bulan lepas. Lebeh 2,000 orang mengambil bahagian dalam perarakan itu.

KELAS DIWASA SA-MAKIN BANYAK DI-TUBOHHKAN: KAUM IBAN MULA BELAJAR

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 821 orang laki2 dan perempuan sedang belajar di-beberapa buah darjah membasmi buta huruf di-seluruh negeri ini. Angka tersebut terdiri dari 721 orang Melayu, 70 orang China dan 30 orang Iban.

Penuntut yang tua sa-kali ialah sa-orang Ketua Kampong dalam Daerah Brunei, manakala yang muda sa-kali ialah sa-orang laki2 berumur 17 tahun.

Jumlah darjah2 pelajaran membasmi buta huruf pada masa ini ada-lah terdiri seperti berikut:

Bandar Brunei—7 darjah, Ba-

hagian Brunei—13 darjah, Daerah Belait—9 darjah, Daerah Tutong—5 darjah, dan di-Daerah Temburong—7 darjah.

Oleh kerana banyak permintaan di-terima oleh Jabatan Pelajaran Negeri Brunei, ada-lah di-jangka 4 buah darjah lagi akan di-buka tidak berapa lama lagi.

Hadiah2 cerita pendek dan karangan

BANDAR BRUNEI — Dua belas orang, antaranya dua orang wanita telah berjaya dalam peraduan mengarang yang telah di-langsungkan di-Bandar Brunei kerana menyambut hari puja usia Duli Yang Maha Mulia dalam bulan lepas.

Peraduan mengarang cerita pendek: Inche' Moksir bin Abdul Kadir, dari Maktab Latchan Guru2 Melayu Brunei (1) Inche' Leman bin Ahmad juga dari Maktab Latchan Guru2 Melayu Brunei dan (2) Inche' Emran bin Mohamed Harith dari Bandar Brunei (3).

(3) Hadiah2 sagu hati telah di-menangi oleh Puan Marhani binti Abdul Latif dari Pejabat Kewangan, Bandar Brunei, Inche' Abdul Halim bin Umar dari Pejabat talikom, Bandar Brunei dan Inche' Abdul Razak bin Mohammed dari Kuala Belait.

Peraduan mengarang renchana: — Inche' Emran bin Mohamed Harith dari Bandar Brunei, (1) — Inche' Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dari Pejabat Uga-ma dan (2) — Chegu Zaitunah binti Abdul Khan, Guru Besar Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei (3).

Hadiah2 sagu hati telah di-menangi oleh Inche' Leman bin Ahmad dari Maktab Latchan Guru2 Melayu Brunei, Inche' Mohammed bin Haji Seruddin dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei dan Inche' Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dari Pejabat Uga-ma.

Inche' Umar bin Muhamad, Pengawas darjah2 tersebut menyatakan bahawa semenjak darjah2 orang dewasa di-mulai dalam bulan May tahun ini, kebanyakan daripada penuntut2 darjah2 itu sudah boleh menulis dan membacha.

"Kemajuan pelajaran yang di-chapai oleh penuntut2 darjah2 buta huruf di-seluruh Negeri Brunei ada-lah sa-makin baik dan sa-belum akhir tahun ini, di-harap semua penuntut2 itu akan tahu menulis dan membacha", kata Inche Umar lagi.

GADIS2 MELAYU DI-KESALI TIDAK RAMAI MENJADI JURURAWAT

BANDAR BRUNEI — Satu jawatan dalam perkhidmatan awam yang memberi faedah kepada negara, bangsa dan diri sendiri ada-lah di-katakan tidak mendapat sambutan yang baik daripada pemuda2 Melayu.

Jawatan jururawat yang sangat2 di-perlukan di-rumah2 sakit itu kebanyakannya di-penohkan oleh gadis2 bangsa lain.

Antara lebih kurang 60 orang gadis yang berkhidmat di-rumah sakit besar Bandar Brunei sebagai jururawat hanya beberapa orang sahaja dari bangsa Melayu.

Jururawat2 itu di-tempatkan di-sabuh asrama berhampiran dengan rumah sakit tempat mereka bekerja. Di-situ mereka di-jaga dan di-beri segala kemudahan.

Gadis2 yang hendak menjadi jururawat itu hendak-lah telah lulus peperiksaan Form III dan berumur 18 tahun.

Sa-telah di-pilih mereka itu di-beri latihan di-rumah sakit Bandar Brunei sa-lama tiga tahun dengan mendapat gaji permulaan sa-banyak \$174 sa-bulan.

Gaji ini mungkin di-naikkan berikutan dengan satu siaran kerajaan baharu2 ini hendak menimbangkan sa-mula tingkatan gaji pekerja2 dalam pekhidmatan awam.

Sa-lain dari gaji, mereka itu di-beri allowance makan sa-banyak \$35 sa-bulan dan dengan wang itu-lah makanan mereka di-siapkan di-asrama.

"Ini bermaana jururawat2 itu mendapat gaji berseih, kerana sa-lain dari allowance makan, mereka itu di-beri pakaian bekerja dengan perchuma," kata Puan B. Berthoud, Matron rumah sakit besar Bandar Brunei.

Puan Berthoud berasa kesal kerana pemuda2 Melayu tidak ramai memenohi jawatan2 jururawat di-negeri ini pada hal ramai antara mereka yang telah berhenti dari sekolah2 Inggeris mempunyai kelayakan memegang jawatan itu.

Boleh jadi, tugas2 sa-orang jururawat itu lebih berat dari kerja2 yang sekarang ini di-sukai oleh pemuda2 Melayu.

Masa bekerja sudah tentu berlainan dari kerja2 lain, seperti guru atau kerani mithal-nya. Jururawat2 bekerja mengikut giliran.

Mereka itu bekerja dari pagi sampai tengah hari, kemudian bergilir di-gantikan oleh jururawat2 yang di-tugaskan bekerja dari tengah hari hingga ka-ma-

lam. Sa-lepas itu mereka di-gantikan pula oleh pasokan yang bekerja dari malam hari hingga ka-pagi keesokan-nya.

Sa-orang jururawat itu jarang2 dapat duduk kerana hendak melepaskan penat. Ia-nya sentiasa mengawas orang2 sakit yang berkehendakkan rawatan dan perhatian.

Sa-masa dalam latehan gaji sa-orang jururawat itu di-naikkan \$14 sa-tahun. Sa-telah tiga tahun berlately di-adakan peperiksaan. Gaji mereka mungkin meningkat sa-hingga \$354 dalam beberapa tahun sahaja sa-lepas tamat peperiksaan itu.


Jawatan jururawat sa-bagai mata pencharian sangat di-gemari oleh gadis2 bangsa lain. "Bukan sahaja jawatan itu mendatangkan faedah kepada negara dan bangsa tetapi ia-nya akan menolong gadis2 yang telah mendapat latehan menjadi jururawat, khas-nya sa-telah mereka (Lihat muka 7)



Jururawat perempuan makan bersama dengan jururawat laki2 di-asrama jururawat yang berhampiran dengan rumah sakit besar Bandar Brunei.



Segala kemudahan dan permainan di-adakan di-asrama jururawat. Jururawat2 itu berkumpul menyaksikan dua orang rakan sa-jawat mereka bermain pingpong.



Kiri: Sa-orang gadis yang memohon hendak menjadi jururawat sedang di-interview oleh Puan Berthoud. Kanan: Kanak2 di-rumah sakit mendapat perhatian istimewa. Bawah: Pemandangan dalam ward rumah sakit Bandar Brunei.



Beta merasa sangat besar hati dan sukachita melihat beberapa kemajuan

D. Y. M. M. ALU2KAN KERJASAMA RA'AYAT

Pada hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-43 yang jatuh pada 23 September lepas ra'ayat seluroh negeri telah mengambil kesempatan menyembahkan ucapan2 tahniah dan ta'at setia dalam satu istiadat di-Istana Darul Hana.

Satengah2 ucapan itu telah di-bacha di-hadapan baginda dan satengal2-nya di-sembahkan sahaja oleh sebab kekurangan masa.

Bekas British Resident Brunei, Tuan D. C. White telah membacha ucapan tahniah dan ta'at setia pegawai2 perkhidmatan awam.

Yang teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah membacha ucapan2 tahniah bagi pehak Kerabat Diraja.

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar telah membacha ucapan tahniah pegawai2 uga-ma.

Dalam titah baginda menyambut ucapan2 itu baginda berkata :

Sejak beta di-mahkotakan menduduki takhta singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darus-Salam ini, beta merasa sangat puas hati dan bangga kerana dapat melihat beberapa kemajuan yang telah di-chapai oleh Negara Brunei ini. Sungguh beta merasa ada kala-nya susah dan kadang2 kita menemui berbagai2 kesulitan2 dan rintangan2 yang telah menjadi adat dunia, terutama kepada bangsa2 yang ingin menempoh kemajuan dan kema'moran serta keselamatan seperti Brunei ini.

Tetapi segala kesulitan2 yang demikian telah dapat di-tempoh dengan tenang dan sabar oleh ra'ayat beta yang ta'at setia dan jujur — tabah, dalam hal ini beta tidak-lah dapat melupakan jasa baik perkhidmatan dan keta'atan yang telah di-buat oleh semua pegawai2 Kerajaan yang telah menunjukkan kecekapan dan kerjasama antara mereka, dari sa-rendah2 kaum buroh peon, kerani, pegawai2 di-bahagian teknikal, pegawai2 pentadbiran rendah hingga ka-pegawai2 kanan pemerintah negeri ini ada-lah menunjukkan kerja2 yang baik dalam menjayakan perjalanan pertadbiran dan kemajuan Brunei Darus-Salam ini.

Sa-lain dari itu kita telah berjaya mengadakan beberapa bangunan sekolah2, serta mengadakan guru2 yang bukan sahaja di-sekolah Melayu tapi juga di-sekolah Inggeris — kita telah dapat membina jalan raya yang baik, perhubungan2 surat dan udara, kita telah dapat mengadakan pancharan tetuag udara (Radio) kita juga telah berusaha menghantar beberapa banyak penuntut2 belajar ka-luar negeri menuntut ber-bagai2 lapangan ilmu yang di-kehendaki oleh negeri ini, yang mana segala2 kejayaan itu ada-lah dengan baik usaha pegawai2 yang ber-tanggung jawab kerana-nya, dalam hal ini tidak-lah dapat kita melupakan akan kebijaksanaan jasa baik pentadbiran dan keikhlasan yang di-beri oleh Yang Berhormat Tuan D.C. White, British Resident, Brunei.

Kejayaan2 yang telah di-buat dalam tahun ini, sungguh menarek perhatian dan menggembirakan, terutama sa-kali sa-bagai satu kejayaan yang di-idam2kan ra'ayat ialah Perlembagaan bertulis bagi Negeri Brunei ini, adalah merupakan satu perubahan besar ma'ana-nya bagi negeri ini kerana ia bererti Brunei akan mempunyai pemerintahan sendiri dalam negeri.

Dalam menyebut kejayaan yang berhubung dengan Perlembagaan ini maka beta bersukor kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat nya yang telah menjadikan mereka yang bertanggung jawab, mereka yang di-beri tugas, mereka yang penoh keberanian dan jujur dalam menunaikan tugas, mereka yang tidak mengira penat lelah tetapi ikhlas serta tenang dan sabar dalam menempoh kesulitan2, mereka yang telah berterus terang menasihatkan dan mengeluarkan fikiran bagi menjayakan Perlembagaan yang membawa bahagia kepada Brunei dan ra'ayat-nya.

Di-sini beta dengan ikhlas menyeru kepada seluroh penduduk di-negara Brunei Darus-Salam ini, bahawa sa-tiap manusia yang hidup di-dunia ini wajib ta'at atas apa jua surohan Tuhan dan ajaran agama masing2.

Untuk menuju maksud ini, kita yang hidup di-Brunei sa-bagai sa-bahagian dari manusia di-dunia, patut menginsafi akan diri masing2 dan menyadari kewajiban diri sa-bagai sa-orang manusia, sa-bagai sa-orang dari bangsa, sa-bagai sa-orang dari ahli musharakat negara, bahawa kita hidup dengan tugas kehidupan diri masing2.

Kalau ada tempat2 di-luar negeri kita, sedang dalam peperangan, sedang dalam suasana kengerian oleh letupan peluru dan aliran darah, sedang dalam keadaan perselisihan antara satu dengan lain, maka beta perchaya sudah tentu mereka2 itu

juga sedang berusaha dengan giat dan berani menchari jalan bagi penyelesaian dan keamanan agar mensesuaikan maksud2 kehidupan manusia.

Kita di-Brunei ini ada mempunyai masa'alah kita sendiri, kita sekarang sedang menempoh pembenaan, sedang menuju ka-arrah kemajuan dan kemamoran.

Kita sedang melangkah ka-arrah kehidupan baharu, sedang menuju ka-arrah kedaulatan bangsa dan negara dan semua-nya ini beta perchaya ada-lah menjadi chita2 ra'ayat yang mengaku penoh ta'at setia-nya di-Brunei ini.

Negeri Brunei ini, ada-lah negara dan hak ra'ayat yang penoh ta'at setia pada-nya Negeri ini hanya-lah sa-buah negara yang kecil dan hanya mempunyai penduduk yang sangat sedikit. Jika dengan jumlah penduduk negeri ini, ada satu perasaan ikhlas dan jujur maka tidak shak lagi, bagi menuju jalan bahagian yang kita chita2kan itu akan dapat di-usahakan dan akan mudah di-chapai.

Untuk ini, ra'ayat sakalian mestilah menginsafi diri bahawa kejayaan sa-suatu yang di-idam2kan hanya akan dapat di-sempurnakan atas usaha, kerjasama, dengan perasaan ikhlas dan saling mengerti.

Kita hidup di-dunia ini janganlah mudah putus asa, dan kalau-lah kita malu kerana di-hinakan orang, putuslah harapan buat mendapat kemuliaan, tetapi jika kita tidak tahu di-mulikan maka itu-lah sa-benar2 hina.

Bagi mensesuai kehidupan ra'ayat dalam menuju arah chita2 mulai, ra'ayat mesti menginsafi, "Janjan-lah kita megah oleh sebab potongan pakaian yang chantek dan mahal tetapi hendak-lah kita megah dan besar hati kerana tahu memakai pakaian itu."

Kapada ra'ayat sakalian, sa-kali lagi beta serukan hendak-lah kita berperasaan ikhlas, suka bantu

membantu dan jangan-lah kita berpechah belah kerana berpechahan hanya-lah akan mendatangkan keruntuhan dan penyesalan, ingat-lah "bulat ayer kerana pembetong, bulat manusia kerana maukafat — maukafat membawa berkat."


Pegawai2 kerajaan; beta faham tuan2 sakalian dari sa-rendah buroh hingga ka-satinggi2 pegawai pentadbir ada-lah mempunyai tanggung jawab masing2 mengikut taraf dan kedudukan tuan2 dalam hal pekerjaan masing2.

Beta berharap tuan2 akan kekal beriman dan terus bertugas dalam mengabdikan diri tuan2 kepada ra'ayat jelata di-negeri ini, lebeh2 lagi beta perchaya tanggung jawab tuan2 akan bertambah2 berat dan susah apabila sahaja Perlembagaan bertulis bagi negeri Brunei ini berjalan kuat kuasa-nya nanti, kerana di-atas kepala dan di-tengan tuan2-lah terletak-nya chepat dan lambat-nya kemajuan2 dan kejayaan yang menjadi idaman ra'ayat yang juga saya perchaya menjadi chita2 tuan2 sakalian.

Pekerjaan2 yang di-tanggung oleh tuan2 tidak akan dapat berjalan dengan baik jika dalam pertubuhan tuan2 tidak bersesuaian dan bersafahaman. Walau sa-bagaimana cekap dan ikhlas sa-orang pegawai yang kanan menunaikan pekerjaan2-nya jika sa-orang peon tidak ikhlas dan ta'at menjalankan kerja2-nya ada-lah sampama sa-biji jam. Jika satu dari perkakas-nya rosak walau sa kecil2 perkakas sa kali pun jam itu tidak akan dapat menunjukkan waktu yang sa benar-nya.

Dalam suasana yang sedang kita hadapi masa ini dan masa2 yang akan datang kita sakalian bukan hanya menumpukan harapan pada pegawai2 kerajaan tapi juga meliputi pada seluroh ra'ayat yang ta'at setia di-Brunei ini, penghulu2 dan ketua2 kampung, menteri2 darat, pegawai2 agama serta sakalian pehin mahu-lah berusaha dan menumpukan perhatian ka-arrah kemajuan dan kema'moran bangsa dan

(Lihat Muka 8)



Pemandangan di-Lapau Diraja Brunei pada masa menanda tangani Perlembagaan Brunei dan perjanjian2 baharu antara Brunei dengan United Kingdom dan Brunei dengan Sarawak.

Pembelahan ka-atas 25 penghidap TB

**MEREKA SEMUA AKAN HIDUP
SAPERTI SEDIA KALA**

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh lima orang yang menghidap penyakit batuk kering ada-lah di-jangka akan hidup saperti sedia kala sa-telah di-belah oleh pakar2 pembelah di-rumah sakit Bandar Brunei dalam bulan lepas.

Jaminan ini di-beri oleh Tuan C. J. Officer Brown, pakar belah Australian, yang mengetuai suatu rombongan doktor2 pembelah Australian yang telah berkhidmat sa-lama enam minggu di-sini.

Tuan Officer Brown berkata bahawa ramai lagi orang2 yang menghidap penyakit batuk kering itu boleh di-belah tetapi hanya sedikit sahaja bilangan yang mau di-belah.

"Walau pun demikian angka itu ada-lah memuaskan bagi permulaan," kata Tuan Officer Brown.

Tuan Brown yang akan berlepas balek ka-Australia dalam minggu ini berkata dalam satu siaran :

"Batok kering ia-lah penyakit yang menjatuhkan kesihatan penduduk2 Negeri Brunei. Penyakit itu boleh di-kawal dan di-hapuskan saperti di-lain2 negeri."

Untuk menjauhi penyakit itu langkah2 hendak-lah di-ambil untuk mengetahui orang2 yang menghidap penyakit batuk kering.

Sa-lepas itu hendak-lah di-adakan X-ray beramai2 dan memberi ubat dan mengasingkan orang2 yang berjangkit penyakitnya.

Pembelahan ka-atas orang2 yang menghidap penyakit batuk kering itu ia-lah ikhtiar penghabisan ia-itu sa-telah usaha2 lain tidak memberi kesan.

Pendaftaran jemaah haji 1960 di-mulakan


BANDAR BRUNEI. — Orang2 Islam di-Negeri Brunei yang berhajat hendak menunaikan fardhu haji pada tahun hadapan ada-lah di-kehendaki mendaftarkan nama dengan sa-berapa segera.

Pendaftaran di-jalankan oleh Pejabat Adat Istiadat Negeri Ugama dan Kebajikan Masharakat Bandar Brunei.

Dalam satu siaran ketua pejabat tersebut, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha berkata :—

"Borang2 permohonan untuk menunaikan haji boleh di-dapati di-pejabat ini".

Duli yang Maha Mulia keliha-tan menyampai-kan Surat Perintah melantek Inche Wan Ahmad bin Wan Umar sa-bagai Setia Usaha Kerajaan Brunei, dalam satu istiadat di-Istana Darul Hana sa-lepas pemashhoran perlembagaan pada 29 September.



RUMAH2 YANG BERJAYA DALAM PERADUAN BERCHUCHUL

BANDAR BRUNEI. — Rumah Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar di-Kampong Pemancha, Kampong Ayer telah di-pilih sa-bagai rumah yang chantek sa-kali dalam peraduan berchuchul lampu elektrik antara kedai2 atau rumah2 kerana menyambut hari puja usia Duli Yang Maha Mulia Yang ke-43 baharu ini.

Hadiah yang kedua telah di-menangi oleh rumah Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Mohamed Daud di-Kampong Pemancha Lama juga, dan hadiah yang ketiga di-menangi oleh rumah Yang Amat Mulia Pengiran Indra, Kampong Padang, Bandar Brunei.

Hongkong & Shanghai Banking Corporation Bandar Brunei telah memenangi hadiah kerana bangunan dan gedong2 sharikat yang chantek sa-kali di-hiasi dalam peraduan tersebut.

Keputusan peraduan berchuchul lampu minyak atau dian dalam kawasan Bandar Brunei termasuk Kampong Ayer :

1. Rumah Awang Taib bin Jawatan Dalam Haji Yusuf, Kampong Sungai Kedayan, 2. Rumah

Pengiran Haji Damit bin Pengiran Abdul Rahman, Kampong Si-Raja Muda dan 3. Rumah Awang Anak bin Haji Othman, Kampong Sungai Kedayan.

Biasiswa penuntut2 ugama

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pegawai2 muda Brunei, telah di-kurniakan biasiswa untuk menuntut ugama di-Mesir.

Pegawai2 itu ia-lah; Md. Zain Haji Serudin, Mahalee bin Haji Abdullah, Abd. Rahman Khatib Abdullah dan Abd. Hamid bin Md. Daud.

Mereka itu akan bertolak dari Brunei ka-Mesir sa-baik sahaja visa masok ka-Mesir di-luluskan oleh Kerajaan Mesir.

Pegawai2 muda itu sekarang ini berkhidmat di-Pejabat Ugama Brunei.

Mereka itu ia-lah lepasan College Islam Kelang di-mana mereka telah menuntut sa-lama 3 tahun.

PEGAWAI DAERAH MENUNTUT ILMU PERTADBIRAN AWAM DI-CANADA

KUALA BELAIT. — Sa-orang pegawai perkhidmatan awam Brunei, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, telah di-hadiahkan biasiswa Colombo Plan kerana menuntut ilmu pertadbiran di-Canada. Biasiswa itu di-

kurniakan oleh Kerajaan Canada.

Pengiran Momin telah bertolak dari Brunei baharu2 ini dan akan berada di-Canada sa-lama 9 bulan.

Pengiran Momin berumur 31 tahun telah di-peranakkan di-Bandar Brunei, dan mendapat pelajaran di-Sekolah Melayu dan Inggeris.

Sa-belum berlepas ka-Canada Pengiran Momin ia-lah Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Beliau telah masok perkhidmatan kerajaan dalam tahun 1946.

PASOKAN SINGAPURA KALAHKAN PASOKAN BOLA SEPAK TEMPATAN

BANDAR BRUNEI. — Tidak kurang daripada 2,000 orang telah menyaksikan pasokan tentera udara Diraja British dari Singapura mengalahkan satu pasokan tempatan dengan satu gol tidak berbalas dalam perlawanan bola sepak yang hebat di-Padang Besar Brunei baharu2 ini.

Perlawanan itu telah di-adakan sa-bagai salah satu ran-

changan sambutan hari kepenteraan Duli Yang Maha Mulia.

Hujan telah mencurah turun tidak berhenti2 sa-jurus sa-lepas permainan di-mulai. Bagaimanapun, pemain2 kedua pasokan tersebut telah bermain dengan chergas pada sa-panjang masa.

Meskipun pasokan Bandar Brunei telah beberapa kali membuat serangan yang hebat, tetapi tidak berjaya menyumbatkan gol yang di-tunggu2 ka-dalam pintu gol pasokan pelawat2 tersebut.

Tuan H. L. Fisher dari Seria telah mengadilkan perlawanan itu.

Barisan kehormatan untuk Wakil British

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Tinggi British di-Tenggara Asia, Sir Robert Scott dan isteri-nya telah datang ka-Brunai pada hujung bulan lepas kerana menanda tangani perjanjian baharu Brunei dengan United Kingdom.

Sir Robert di-iringi oleh Abang Marzuki, A.S.P., Sarawak sa-bagai juruiring-nya.

Kerana menghormati kedatangan beliau Polis Brunei telah mengadakan satu perbarisan. Perbarisan itu di-ketuai oleh Pengiran Jaya, O.C.P.D., Brunei.

Kemalangan jalan raya

TUTONG. — Sa-buah kereta yang dalam perjalanan-nya ka-Kuala Belait dari Bandar Brunei telah mendapat kemalangan di-batu 10 Jalan Tutong baharu2 ini.

Sa-orang penumpang kereta tersebut telah luka parah dan telah di-masokkan ka-rumah sakit Bandar Brunei.

Driver kereta itu tidak bendera apa2 kechederaan.

Dengki ganggu kemajuan KINI RAMAI WANITA SEDANG BELAJAR

BANDAR BRUNEI — Dalam masyarakat kita sa-hari2 tama' dan dengki itu ia-lah penyakit yang maha besar yang sentiasa meng-gangu kemajuan kita.

Walau pun di-adakan satu gerakan yang bertujuan baik dan mulia, tidak juga sunyi dari umpat dan keji, dengki dan khianat.

Penyakit ini sangat susah hendak mengubati-nya. Malah kalau dari segi negara ini-lah penyakit yang menimbulkan krisis yang tidak berputus.

Kalau dalam masyarakat pula dapat-lah kita katakan "jelatang dalam masyarakat".

Manusia yang bersifat sabagai ini ia-lah umpama tidak bertulang belakang, lembek, kaki-nya pingkar, otak-nya saperti layang2, gila dan tidak berchita2 serta tidak mempunyai kemahuan.

Apa lagi untuk di-harapkan membimbing kemajuan, dia ha-nya berfikir dia yang pandai, dia yang betul, dia yang bijaksana.

Orang2 yang sa-bagai ini tidak ada lain tujuan-nya, sa-lain daripada supaya apa yang kita sum-bangkan, apa pergerakan yang kita bena, atau apa persatuan yang kita taja biar runtoah atau ta'jaya, dan bila telah runtoah dan hasil-nya tidak ada, dia akan ber-sorak.

Hal ini telah ada terbukti dalam masyarakat kita hari ini. Chakap yang tidak membena, chakap yang tidak mempunyai faedah dan mengasut maseh ba-nyak terdapat dalam kalangan kita.

Terjadi-nya hal ini ia-lah ke-rana kurang pelajaran dan peng-etahuan dalam segala lapangan,

apa lagi dalam lapangan kaum wanita kita.

Jika kita anjorkan sa-suatu per-gerakan langsung tidak dapat so-kongan, kechuali daripada mereka yang tahu akan selok belok dalam hal itu sahaja.

Kalau pergerakan itu tidak berhasil, chemoh dan keji datang-lah sa-bagai ayer pasang.

Kalau kita jumpai mereka yang sa-bagai ini hindarkan mereka dari masyarakat dan di-tutup mulut-nya agar jangan dapat berkata2.

Dengan jalan ini baharu-lah dapat mengawal manusia yang mempunyai chita2 dan semangat kemajuan dari gangguan.

Sifat dengki dan khianat kalau ada dalam masyarakat dengan berleluas pesti segala apa yang kita taja semua-nya akan menjadi krisis yang tidak bersudah.

Sebab itu mari-lah kita ber-sama2 menghindarkan apa yang di-katakan jelatang masyarakat itu. — M. SAMSINAH.

Murid sekolah perempuan menang peraduan membacha sajak

BANDAR BRUNEI — Antara berbagai2 acara sambutan hari keputeraan ke-43 Duli Yang Maha Mulia pada 23 September lepas ia-lah peraduan bacaan sajak antara pemuda pemudi negeri ini.

Sahara binti Ahmad dari seko-lah perempuan R.I.F. di-sini yang memileh sajak chiptaan N. M. Rosli yang bertajokan "Menung-gu di-pusaka Bolkih" telah menjadi johan dalam peraduan tersebut.

Sajak itu ada-lah saperti ber-ikut :—

Di-bumi pertewi tegak pusara tuan
bersemadi
Megah dengan ukiran endah dan
nisan2 tinggi
Di-datar tinggi pusara tuan menghala
kekuala Negeri
Sa-olah2 tuan maseh menjaga dari
rongga2 bumi

Terhadap Negara tuan yang di-chintai
ini.

Merenong beta ka-atas pusara tuan
yang di-kagumi
Terbayang di-ruang mata gaimana
tuan memerintah Negeri
Kema'muran ra'ayat keadilan bersama
tuan hormati
Titah di-junjung dari ra'ayat yang
bakti.

Lantaran kebijaksana'an tuan memandu
Negara
Gagah berani penoh perwira
Menchipta persatuan ra'ayat sa-penoh
chita
Megah lah berdiri Negara Kalimantan
dengan bangga.

Oh! tuan alias Nakhoda Regam
Kekuasa'an tuan meliputi keseluruhan
Kalimantan
Hingga ka-Solo dan pulau yang
berchichiran
Laut dan pantai tuan jagai dengan
angkatan
Armada tuan yang gagah berani
di-itu zaman.

Nama tuan mashor keseluruhan ke-
pulauan
Di-takuti dan di-chintai ra'ayat yang
mintap perlindungan
Utusan datang silih berganti dengan
persembahan
Dangang berulang dengan pelbagai
perniagaan
Sunggoh di-wasa itu Brunei zaman
keemasan.

Tetapi.....
Semasa tuan dan Lela kembali dari
perantaraan
Tuan mangkat mengejut di-tengah
pelayaran
Kembali tuan dengan jasad kaku
dingin kepertewi
Di-susul Lela bersama tuan bersemadi.
Kini tuan tiada lagi
Bersemadi di-rongga pertewi yang
tuan chintai
Tetapi semangat tuan tetap kami
junjong tinggi
Menjadi lambang kami ingin bangun
kembali
Kezaman keemasan yang pernah tuan
gondoli.



SAHARA BINTI AHMAD

MAJLIS MAULUD NABI ANJORAN KAUM IBU DI-SEKOLAH MELAYU

BANDAR BRUNEI — Kira2 500 orang perempuan, an-tara-nya Isteri Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Benda-hara telah menghadhiri majlis sambutan hari keputeraan Nabi Muhammad di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, baharu2 ini.

Guru Besar sekolah itu Puan Zaitunah binti Abdul Khan, sa-bagai setia usaha sambutan telah membuka majlis tersebut dengan kata2 yang berkaedah.

Antara acara yang di-langsungkan ialah peraduan2 membacha Koran, dan sharahan.

Murid2 Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-ketuai oleh guru ugama-nya telah memperdengarkan berzanji dan do'a selamat di-bachakan oleh Puan Sharifah Mastura.

Para jemputan telah di-jamu dengan kueh dan minuman serta di-hadiahkan dengan nasi kunyit dan bunga telur.

Hajjah Zainah telah menjadi johan dalam peraduan membacha Koran dan Siti binti Mohamed Yusof naib johan, manakala gelaran yang ketiga dimenangi oleh Noriah binti nanakala gelaran yang ketiga di-menangi oleh Noriah binti Abbas.

BANDAR BRUNEI — Pepa-patah orang tua2, "Lama hidup banyak pengalaman, jauh perja-lanan luas pemandangan" tidak dapat kita nafikan sebab telah sama2 kita tempoh dan kita lalu sendiri.

Sa-lagi hayat di-kandung badan sa-lama itu-lah kita akan menempoh 1001 macham jalan2 penoh bersimpangan di-dunia ini.

Masa berubah zaman beredar. Kalau zaman dahulu-nya zaman manusia berpikal layar, zaman orang menghantarkan berita dan surat2 dengan menggunakan bu-rong merpati, tetapi sekarang ini chara2 itu tidak di-gunakan lagi.

Kini mereka menggunakan kapal api, kapal terbang yang boleh terbang beribu2 batu jauh-nya dalam tempoh beberapa jam sahaja. Mereka juga menggu-nakan talipon, radio, wireless yang boleh menerima perkhaba-ran dengan chepat.

Kemajuan pemuda pemudi kita zaman ini dengan zaman dahulu memang jauh beza-nya, terutama sa-kali pehak kaum wa-nita yang maseh gadis sentiasa hidup di-bawah kongkongan de-nigan menghabiskan masa mereka di-cherok dapur sahaja.

Kini banyak di-antara mereka telah dapat memijakkan kaki mereka ka-sekolah2 tinggi ba-hkan ada yang telah sampai ka-luar negeri menchari ilmu peng-tahuan yang memberi guna.

Mereka ini-lah harapan ma-sharakat bangsa kita untuk di-jadikan chalun2 pemimpin bang-sa yang bertanggung jawab pada masa akan datang.

Kandati pun demikian kita ta' boleh berlagak dengan kema-juan yang telah ada itu sebab ba-nyak lagi anasir2 burok yang bo-leh memecahkan perpaduan kita sa-sama kita.

Pemuda pemudi sekarang hendaklah berbimbing tangan bersa-tu hati, dalam melaksanakan se-gala tugas kewajipan terhadap musharakat bangsa, ugama dan ibu pertwi kita yang di-kasehi.

Yang demikian mungkin kita menuju zaman gemilang ka-arrah pembangunan dan kemajuan musharakat di-segala lapangan yang kita chita2 itu, kerana Tu-han telah berfirman; "bahawa Dia tidak akan menggubahkan nasib sa-suatu bangsa dan negara di-dunia ini, jika tidak bangsa itu sendiri memperjuangkan nasib mereka." — MALA MAS.

Jadual perlawanan2 pasokan Sherwood

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 35 orang pegawai dan anggota tentera darat British, Sherwood Foresters, akan melawat ka-Negeri Brunei mulai 9 October hingga 12 October ini.

Dalam masa yang singkat mereka berada di-negeri ini, palawat2 itu akan menadakan perlawanan bola sepak dan cricket dengan pasokan2 di-Daerah Belait, dan Brunei.

Ranchangan perlawanan tersebut yang telah di-tetapkan ia-lah seperti berikut :

9 October, 5 petang: Bola sepak — Sherwood Foresters melawan pasokan bola sepak Daerah

Belait di-Padang Shell Recreation Club, Seria.

10 October, 1.30 petang: Cricket — Sherwood Foresters melawan Daerah Belait di-Padang Panaga Club.

10 October, 5 petang: Bola sepak — Sherwood Foresters melawan pasokan bola sepak Daerah Belait di-Padang Kuala Belait Recreation Club.

11 October, 9.30 pagi: Cricket — Sherwood Foresters melawan Daerah Belait di-Padang Panaga Club.

11 October — pada petang hari itu Sherwood Foresters akan melawan satu pasokan dari Bandar Brunei dalam perlawanan bola sepak di-Padang Besar Bandar Brunei.

KEPUTUSAN LUMBA PERAHU HARI JADI

BANDAR BRUNEI — Enam belas perlumbaan perahu telah di-adakan di-Sungai Brunei pada 27 September lepas kerana menyambut hari keputeraan ke-43 Duli Yang Maha Mulia pada 23 September.

Antara perlumbaan2 itu ialah perlumbaan perahu antara pejabat2 Kerajaan.

Perlumbaan yang mensharatkan bahawa jurumudi perahu itu hendak-lah sa-orang ketua pejabat atau pegawai kanan dalam perkhidmatan telah dimenangi oleh Pejabat Marine.

Keputusan2 lain ada-lah seperti berikut:

1. Perahu 15 orang, Suroi Laut (1); Lela Majanun (2).
2. Perahu 3 orang, Anuman (1); Tekokor (2).
3. Perahu 10 orang, Suroi Laut (1); Ikan Temberlang (2).
4. Perahu 5 orang, Chahaya Memanchar (1); Chuba'an (2).
5. Perahu 20 orang, Bujang Pelandok (1); Tedong Berlari (2).
6. Outboard 10 H.P. 18 orang, Skyline (1); Dk. Fatimah (2).
7. Perahu 20 orang, Bujang Pelandok (1); Awan Berlari (2).
8. Perahu 15 orang, Lela Majanun (1); Suroi Laut (2).
9. Outboard 18 H.P., Skyline (1); Nassib (2).
10. Perahu 10 orang, Suroi Laut (1); Ikan Temberlang (2).
11. Outboard 10 H.P. (Stock Engines), Sri Xahiran (1); Peman-chong (2).
12. Outboard 18 H.P. (terbuka) Skyline (1); Excuse Me (2).
13. Outboard 35 H.P. (terbuka), Airborne (1); Peman-chong (2).
14. Perahu 30 orang, Bujang Pelandok (1); Awan Berlari (2).

Latehan pemain2 untuk basketball


BANDAR BRUNEI. — Tuan Stuart Inman, sa-orang jurulatih permainan basketball Amerikan yang mashhor itu telah tiba di-Brunei pada 22 September lepas dengan kapal terbang. Di-Brunei beliau akan menolong melatoh ahli2 pemain basketball mengikut satu ranchangan yang di-anjorkan oleh Pejabat Penerangan Kerajaan Amerika Sharikat di-Singapura. Beliau telah di-sambut di-lapangan terbang oleh Tuan Ong Kim Kee sa-orang peminat permainan basketball di-sini.

Workshop johan kereta berhias

BANDAR BRUNEI. — Workshop Jabatan Kerja Raya telah menjadi johan dalam peraduan perarakan kereta berhias pada masa di-langsungkan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-Bandar Brunei baru2 ini.

Jabatan Pertanian telah menjadi naib johan dan Jabatan Sukat telah mendapat gelaran yang ketiga.

Keputusan lain2 perarakan ialah: Perarakan kenaikan laut: 1. Kampong Bakut Berumpit, 2. Kampong Pengiran Pemancha



Pemandangan dalam perarakan Maulud Nabi yang di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan September lepas. Lebih 2,000 orang telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Hadiah2 sukan hari keputeraan

BANDAR BRUNEI. — Dua temasha sukan yang meriah telah di-adakan di-Padang Besar Pekan Brunei pada masa sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Temasha sukan yang pertama ia-lah perlawanan akhir senaman dan sukan sekolah2 sa-Negeri Brunei. Temasha itu di-adakan pada 20 September.

Pada sa-belah pagi hari tersebut di-adakan perlawanan akhir senaman dan pada sa-belah petang pula di-adakan temasha sukan.

Haidah2 kepada yang berjaya telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanalk Bolkiah.

Temasha sukan yang kedua telah di-langsungkan di-Padang Besar Pekan Brunei pada 23 September.

Temasha itu di-adakan di-ba-

wah anjoran Jawatan Kuasa Sukan Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

Hadiah2 kepada yang berjaya di-sampaikan oleh bekas British Resident, Brunei, Tuan D. C. White.

Latehan sa-lama tiga tahun

(Dari muka 3)

itu berkahwin, "kata Puan Berthoud.

Latehan yang di-beri sa-lama tiga tahun itu termasuk-lah kesihatan, perubatan dan ilmu perbidanan. Semua itu berguna untuk mendidik anak dan menjaga kesihatan."

Jururawat2 Negeri Brunei sekarang ini di-beri peluang melanjutkan pelajaran mereka di-seberang laut untuk memegang pangkat jururawat yang lebih tinggi kelak.

Sa-orang pemuda sudah pun di-hantar ka-Johor Baharu, Malaya kerana melanjutkan pelajaran-nya dalam ilmu perbidanan. Jururawat2 yang berkelayakan itu akhir-nya akan di-naikkan pangkat-nya menjadi Sister dan Matron atau ketua jururawat.

Kawat2 tahniah atas kejayaan perlembagaan

KUALA LUMPUR. — Timbalan yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu telah menghantar sa-puchok kawat tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia pada hari pemashhoran perlembagaan Brunei.

Kawat itu berbunyi: "Beta dengan gembira mengucapkan tahniah kepada sahabat beta dan ra'ayat Brunei pada hari pemashhoran perlembagaan ini."

"Pada hari yang bersejarah ini beta dan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu berdoa mudah2an Tuhan menchuchorkan rahmat-Nya kepada sahabat beta dan ra'ayat Brunei dengan keamanan dan kema'moran yang berkekalan."

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman juga telah menghantar sa-puchok kawat tahniah yang berbunyi:

"Bagi pehak ra'ayat dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu patek dengan berbesar hati mengucapkan tahniah yang

ikhlas kepada Duli Tuanku dan ra'ayat Brunei pada hari yang bersejarah ini.

"Patek dengan khusuk-nya berdoa mudah2an Tuhan lanjutkan usia Duli Tuanku chuchorkan dan kema'moran dan kesenangan kepada ra'ayat dan Negeri Brunei di-bawah Kerajaan Duli Tuanku yang adil dan saksama."

RANCHANGAN PENERBANGAN ANTARA BRUNEI DENGAN MALAYA

SINGAPURA. — Sa-orang pegawai lalu lintas di-udara Singapura telah berkata bahawa Sharikat kapalterbang Malayan Airways akan menggunakan ka-

palterbang Viscount tidak beberapa lama lagi untuk perjalanan di-antara Malay dengan Borneo.

Kapalterbang Viscount yang boleh terbang tinggi ini, akan mengurangkan masa terbang beberapa jam dari Singapura ka-Brunei.

Sharikat kapalterbang Malayan Airways baharu sahaja menamati perbinchangan mereka dengan pegawai2 lalu lintas udara di-kawasan2 Borneo berkenaan dengan chadangan hendak mengadakan perkhidmatan kapalterbang Viscount ini.

tuang2 itu kekal-lah negeri Brunei ini sa-bagai sa-buah negara yang aman ma'mor dan dapat menjadi sa-buah negara yang akan merupakan pundok kecil yang kokoh — tegap serta chantek molek perhisan-nya, duduk di-sabwah desa yang sejahtera."

KEKUATAN TERLETAK PADA OTAK YANG BAIK

(Dari muka 4)

tanah ayer kita di-Brunei ini, dirikan dan timbulkan perasaan yang kokoh dan tabah dengan perasaan ikhlas, jujur dan berani di-atas dasar2 yang benar dan mendatangkan kebajikan.

Akhir-nya, sa-bagai kata perpatih "Patah tumbuh hilang berganti", maka beta ingin melihat dan sangat gemar dan memang ini menjadi chita2 beta supaya kemajuan pelajaran dan pendidekan di-negeri ini bertambah2 maju dan terator. Dalam lapangan ini yang beta tumpukan harapan bagi menumbuhkan yang telah patah, mengganti yang hilang ada-lah anak2 yang sedang bergiat duduk di-bangku persekolahan di-seluruh negeri ini, mereka-lah yang bakal menjadi bunga bangsa dan harapan negara Brunei yang akan datang. Sungguh benar sa-bagaimana yang di-katakan dalam ucapan tahniah murid2 sekolah di-Pekan Brunei bahawa, "Brunei sa-makin hari sa-makin beransor melangkah ka-gerbang kemajuan" dan murid2 itu sa-lanjutnya mengatakan, "Bila-lah nasib patek2, ini agar sama sa-imbang dengan anak2 didekan yang lain."

Bagi mereka yang menyedari akan maksud dan faedah2 pelajaran, belajar-lah bersungguh dengan hati yang tenang dan penoh keyakinan bahawa ilmu itu pelita hidup dan maju-nya dan ma'mor-nya serta baik-nya pertadbiran sa-suatu negara itu ada-lah bergantung pada cherdek pandai ra'ayat-nya.

Di-zaman kesedaran ini kekuatan dan kemashhoran sa-suatu bangsa dan negara itu ada-lah terletak di-otak kepala yang sihat dan waras tidak-lah sa-mata ditangan atau di-badan yang tegap gagah.

Sa-belum beta menutup ucapan beta ini sa-kali lagi mengucapkan dengan sa-penoh penghargaan bahawa tuang2 akan terus menyumbangkan fikiran dan tenaga bagi kebajikan negara Brunei Darus-Salam ini, sa-muga dengan kerja sama dan ta'at setia yang ikhlas dari

PEMBUNOHAN KA-ATAS PERDANA MENTERI

COLOMBO. — Tuan Solomon Bandaranaike, Perdana Menteri Ceylon yang telah luka kena tembak empat kali pada 25 September, oleh sa-orang yang bersenjatakan senjata api dan berpakai sa-bagai sa-orang sami, telah meninggal dunia di-rumah sakit Colombo pada 26 September.

Beliau telah mati dalam tidor sa-telah di-beri ubat. Beliau telah bangun sa-kali untuk bertanya keadaan orang yang luka yang di-katakan telah menembak-nya.

Sa-jurus sa-lepas pengumuman atas kematian itu di-buat, jema'ah menteri telah mengadakan si-

dang tergepang yang di-penguruskan oleh Tuan W. Dahanayake, Menteri Pelajaran dan Pemangku Ketua Kerajaan.

Tuan Dahanayake kemudian-nya telah mengangkat sumpah sa-bagai Perdana Menteri.

JURUTERA HADHIRI SIDANG ELEKTRIK

BANDAR BRUNEI. — Jurutera Elektrik Negeri Brunei, Tuan E. Rajaratnam telah bertolak ka-Tokyo, Jepun baharu2 ini kerana menghadhiri persidangan Elektrik Sa-dunia yang di-mula-kan pada 29 September lepas.

Persidangan yang akan di-tamatkan pada 14 October itu ialah di-bawah anjoran Bangsa2 Bersatu.

Tuan Rajaratnam berkata bahawa kebanyakan, kalau tidak pun semua, negeri dalam dunia ini, termasuk Russia akan menghantar wakil2 ka-persidangan itu.

Tuan Rajaratnam menjangka beliau akan balek ka-Brunei pada hujung bulan ini.

Sa-masa beliau berada di-luar negeri, jawatan-nya di-pangku oleh Tuan Harnam Singh, Penolong Jurutera Elektrik Negeri Brunei.



Duli Yang Maha Mulia menanda tangani perjanjian baharu Brunei dengan United Kingdom yang memberi Brunei kuasa memerintah dalam neger i. Di-kanan baginda ia-lah wakil Kerajaan British Sir Robert Scott dan Tuan F. D. Jakeway, wakil Gabenor Sarawak.